



TERMA DAN SYARAT KEMPEN GANJARAN GEMPAK / TERMS AND CONDITIONS OF THE GRAND REWARDS CAMPAIGN

TEMPOH KEMPEN / CAMPAIGN PERIOD

1. **Kempen “*Ganjaran Gempak*”** (“Kempen”) dianjurkan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) dan akan berlangsung dari **01 Januari 2026 hingga 30 Jun 2026** (“Tempoh Kempen”), melainkan dinyatakan sebaliknya oleh BSN, tertakluk kepada terma dan syarat bagi Kempen in seperti yang dinyatakan di bawah (“**Terma dan Syarat**”).

The “Grand Rewards” Campaign 2026 (“Campaign”) is organized by Bank Simpanan Nasional (BSN) commencing from 01 January 2026 until 30 June 2026 (“Campaign Period”), unless notified otherwise by BSN, subject to the terms and conditions of the Campaign as stipulated below (“Terms and Conditions”).

2. BSN berhak hak untuk meminda Tempoh Kempen tertakluk kepada peruntukan di dalam Klausa 35 Terma dan Syarat ini.
BSN reserves the right to vary the Campaign Period, subject to the provisions in Clause 35 of these Terms and Conditions.
3. *Penyertaan yang tidak lengkap, tidak sah atau diterima selepas Tempoh Kempen akan dibatalkan secara automatik.*
Incomplete, invalid or late applications received after the Campaign Period will be automatically disqualified.

KELAYAKAN DAN MEKANISME KEMPEN / ELIGIBILITY AND CAMPAIGN MECHANISM

4. Semua pelanggan individu yang memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam item (2) (i) di bawah layak untuk menyertai Kempen ini (“Pelanggan Yang Layak”):

All individual customers who meet the criterias as stated in item (2) (i) below are eligible to participate in this Campaign (“Eligible Customers”):

KELAYAKAN / ELIGIBILITY	
i)	Kempen ini terbuka kepada dua (2) kategori pelanggan BSN seperti berikut: / <i>This Campaign is open to two (2) categories of BSN’s customers as follows:</i> a) Pelanggan Sedia Ada: Merujuk kepada pelanggan BSN sedia ada yang mempunyai mana-mana kemudahan pembiayaan dan/atau pengurusan harta BSN yang berkaitan, dan permohonan mereka untuk kemudahan pembiayaan atau pengurusan harta baharu telah diluluskan. Produk pembiayaan atau pengurusan harta BSN yang layak di bawah Kempen ini adalah seperti berikut: <i>Existing Customer: Refers to BSN’s existing customers who currently have any of the relevant BSN financing and/or wealth management facilities, and whose application for a new financing or wealth management facility has been approved. The eligible financing or wealth management products under this Campaign are as follows:</i> i. Pembiayaan Peribadi BSN / <i>BSN Personal Financing</i> ii. Pembiayaan Perumahan BSN / <i>BSN Home Financing</i> iii. Pembiayaan Berjangka BSN ASB / <i>BSN ASB Term Financing</i> iv. Pembiayaan Kenderaan BSN / <i>BSN Auto Financing</i> v. Wasiat / <i>Will Writing</i> vi. Akaun BSN MyGold Account-i / <i>BSN MyGold Account-i</i> vii. Akaun BSN Junior MyGold Account-i / <i>BSN Junior MyGold Account-i</i> viii. Qaseh Impian ix. Qaseh Link Pintar Plus x. Takaful Fitrah xi. Amanah Saham Berasaskan Tunai / <i>Any Unit Trust (Cash) Products</i> xii. Perlindungan Takaful Kemalangan Diri Berkumpulan / <i>Group Personal Accident Takaful (GPA)</i> xiii. Takaful perlindungan berjangka mengurangkan untuk pembiayaan sewa beli / <i>Hire Purchase Reducing Term Takaful (HPRTT)</i> (Dirujuk secara kolektif sebagai “Produk BSN” atau “Produk” / Collectively referred to as “BSN Products” or “Products”)

- b) **Pelanggan Baharu:** Merujuk kepada pelanggan baharu BSN yang memohon untuk mendapatkan kemudahan Produk BSN yang mana permohonannya telah diluluskan oleh BSN, dan bagi produk pembiayaan, pembiayaan telah dikeluarkan (disbursed) semasa Tempoh Kempen.

New Customer: Refers to new customers of BSN who have applied for BSN Products whereby the applications have been approved by BSN, and for financing products, the financing has been disbursed during the Campaign Period.

MEKANISME KEMPEN / CAMPAIGN MECHANISM

- ii) Berikut merupakan mekanisme Kempen ini;

The following sets out the Campaign mechanics;

- a) Pelanggan Yang Layak hendaklah membuat permohonan bagi mana-mana Produk BSN dan permohonan tersebut hendaklah diluluskan serta berjaya dibuat pengeluaran (disbursed) atau diaktifkan, tertakluk kepada jenis Produk, semasa Tempoh Kempen.

The Eligible Customer shall apply for any BSN Products and such application must be approved and successfully disbursed or activated, subject to the Product type, during the Campaign Period.

- b) Bagi produk pembiayaan, Pelanggan Yang Layak hendaklah menerima tawaran pembiayaan yang diluluskan dan pengeluaran amaun pembiayaan hendaklah dibuat ke akaun Pelanggan Yang Layak semasa Tempoh Kempen. Bagi Pembiayaan Perumahan khususnya, ianya hendaklah berada pada peringkat di mana Pelanggan Yang Layak telah menandatangani semua dokumentasi pembiayaan dengan peguam pada masa cabutan dibuat. Semua produk pembiayaan hendaklah kekal aktif tanpa sebarang tunggakan bayaran sehingga tarikh cabutan, dan Pelanggan Yang Layak adalah dilarang untuk membatalkan atau menamatkan pembiayaan mereka secara sukarela atau menyebabkan pembiayaan mereka dibatalkan atau ditamatkan sepanjang Tempoh Kempen.

For financing products, the Eligible Customer must accept the approved financing offer and the financing amount must be disbursed into the Eligible Customer's account during the Campaign Period. For Home Financing specifically, it must be at the phase where the Eligible Customer has executed all financing documents with the lawyer at the time of the draw. All financing products must remain active without any outstanding payment until the draw date, and the Eligible Customers are prohibited from cancelling or voluntarily terminating their financing arrangements or cause their financing to be cancelled or terminated during the Campaign Period.

- c) Bagi produk pengurusan harta, Pelanggan Yang Layak hendaklah melengkapkan langganan, pelaburan, atau pendaftaran produk yang berkaitan, dan produk tersebut mestilah berjaya diaktifkan dan kekal aktif berdasarkan rekod BSN semasa Tempoh Kempen sehingga tarikh cabutan.

For wealth management products, the Eligible Customer must complete the relevant subscription, investment, or registration, and such product must be successfully activated and remain active based on BSN's record during the Campaign Period until the draw date.

- d) Setiap permohonan Produk yang berjaya akan melayakkan Pelanggan Yang Layak menerima bilangan penyertaan ("Penyertaan") ke dalam cabutan hadiah Kempen ini, berdasarkan jenis Produk dan amaun pembiayaan atau pelaburan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Produk di bawah Kempen ini.

Each successful Product application shall entitle the Eligible Customer to a number of entries ("Entries") into the Campaign's prize draw, based on the type of Product and the approved financing or investment amount, as set out in the Product Tables under this Campaign.

- e) Pelanggan Yang Layak yang mengambil dua (2) atau lebih Produk semasa Tempoh Kempen akan layak menerima lima (5) Penyertaan Bonus, dengan syarat sekurang-kurangnya satu (1) Produk Utama (sepertimana disenaraikan di sub-item iii di bawah) diambil.

Eligible Customers who take up two (2) or more Products during the Campaign Period shall be entitled to five (5) Bonus Entries, provided that at least one (1) Main Product (as listed in sub-item iii below) is taken up.

- f) Jumlah keseluruhan Penyertaan yang diterima oleh Pelanggan Yang Layak adalah berdasarkan gabungan Penyertaan Produk Utama, Penyertaan Subproduk (sepertimana disenaraikan di sub-item iii di bawah), serta Penyertaan Bonus (jika berkenaan) sepanjang Tempoh Kempen.

The total number of Entries received by the Eligible Customer is based on the combined number of Main Product Entries, Subproduct (as listed in sub-item iii below) Entries, and Bonus Entries (if applicable) throughout the Campaign Period.

- g) Selepas tamat Tempoh Kempen, BSN akan menjalankan cabutan hadiah ke atas kesemua Penyertaan yang layak menggunakan sistem cabutan rasmi Bank bagi menentukan pemenang Kempen ini ("Pemenang").

Upon completion of the Campaign Period, BSN shall conduct a prize draw on all eligible Entries using the Bank's official draw system to determine the winners of the Campaign ("Winners").

- h) Bagi produk pembiayaan, akaun pembiayaan Pelanggan Yang Layak mestilah kekal aktif, berkuat kuasa dan sah tanpa sebarang rekod kejadian ingkar (event of default) semasa cabutan dijalankan.

For financing products, the Eligible Customer's financing account must remain active, effective, and valid without any record of event of default at the time the draw is conducted.

- i) Bagi produk pengurusan harta dan/atau Subproduk, langganan, pelaburan atau pendaftaran mestilah kekal aktif, berkuat kuasa dan tidak dibatalkan, semasa cabutan hadiah dijalankan.

For wealth management products and/or sub-products, the Eligible Customer's subscription, investment, or registration must remain active, valid and not cancelled at the time the prize draw is conducted.

MATA PENYERTAAN / PARTICIPATION POINTS

- iii) Berikut merupakan mata penyertaan untuk Kempen ini;

The following are the participation points for this Campaign;

- a. Jumlah mata penyertaan ("Mata Penyertaan") bagi tujuan cabutan hadiah untuk berpeluang memenangi Hadiah akan diperoleh oleh Pelanggan Yang Layak berdasarkan jenis Produk yang diambil serta amaun pembiayaan atau pelaburan yang diluluskan atau dilanggan, sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual Produk Utama dan Subproduk di bawah.;

The total number of participation points ("Entry Points") for the purpose of the prize draw to stand a chance to win the Prize shall be earned by the Eligible Customer based on the type of Product taken up and the approved financing amount or investment value subscribed, as set out in the Main Products and Subproducts tables below.

Produk Utama / Main Products

Produk Utama / Main Products	Kelayakan Pembiayaan / Financing Eligibility	Jumlah Penyertaan / No. of Entries
Pembiayaan Peribadi BSN (Segmen SKAP dan SCOP) / <i>Personal Financing BSN MyRinggit/i (Exclusive for SKAP and SCOP segments)</i>	RM 50,000 – RM150,000	4 mata / 4 Entries
	RM 150,001 – RM250,000	6 mata / 6 Entries
	RM250,001 dan ke atas / RM250,001 and above	8 mata / 8 Entries
Mana-mana Produk Pembiayaan Peribadi / <i>Other Personal Financing BSN MyRinggit/i</i>	RM 50,000 – RM150,000	3 mata / 3 Entries
	RM 150,001 – RM250,000	5 mata / 5 Entries
	RM250,001 dan ke atas / RM250,001 and above	7 mata / 7 Entries
Pembiayaan Perumahan BSN / <i>Home Financing BSN MyHome/i</i>	RM300,000 - RM500,000	3 mata / 3 Entries
	RM500,001 and above	6 mata / 6 Entries
Mana-mana Produk Berjangka ASB/i / <i>Any ASB/i Term products</i>	RM50,000 – RM100,000	3 mata / 3 Entries
	RM100,001 and above	6 mata / 6 Entries
	RM20,000 – RM60,000	3 mata / 3 Entries

Mana-mana Produk Pembiayaan Kenderaan BSN / Any BSN MyAuto/i Financing products	RM60,001 dan ke atas / <i>RM60,001 and above</i>	4 mata / 4 Entries
	HPRTT	1 mata / 1 Entry

Subproduk / Subproducts

Subproduk / Subproducts	Syarat Kelayakan / Eligibility Criteria	Jumlah Penyertaan / No. of Entries
Qaseh Impian	RM3,000 – RM10,000	2 mata / 2 Entries
	RM10,001 dan ke atas / <i>RM10,001 and above</i>	4 mata / 4 Entries
Amanah Saham Berasaskan Tunai / Unit Trust (Cash)	RM10,000 – RM50,000	2 mata / 2 Entries
	RM50,001 dan ke atas / <i>RM50,001 and above</i>	4 mata / 4 Entries
Mana-mana Akaun Emas BSN / Any BSN Gold Accounts (BSN MyGold Account-i / BSN Junior MyGold Account-i)	Dana Baru dan Sedia Ada / New and Existing Funds	
	RM10,000 – RM50,000	2 mata / 2 Entries
	RM50,001 dan ke atas / <i>RM50,001 and above</i>	4 mata / 4 Entries
Wasiat / Will Writing		1 mata / 1 Entry
GPA		1 mata / 1 Entry
Takaful Fitrah		1 mata / 1 Entry
Qaseh Link Pintar Plus		1 mata / 1 Entry

Penyertaan Bonus / Bonus Entries

Bagi melayakkan diri untuk menerima lima (5) Penyertaan Bonus tambahan, Pelanggan Yang Layak hendaklah mengambil dua (2) atau lebih Produk BSN di mana salah satunya hendaklah merupakan Produk Utama. / To qualify for the additional five (5) Bonus Entries, the Eligible Customer must subscribe to two (2) or more BSN Products, one of which must be a Main Product.

CONTOH SIMULASI / SIMULATION EXAMPLES

- iv. Berikut merupakan beberapa contoh simulasi pengiraan Mata Penyertaan berdasarkan jadual mekanisme Kempen di atas:

The table below are a few simulation examples of the Entry Points calculation based on the Campaign mechanics stated above:

Contoh / Examples	Produk Utama / Main Product	Subproduk / Subproduct	Penyertaan Bonus / Bonus Entries	Jumlah Keseluruhan / Grand Total
Aisha	Pembiayaan Peribadi BSN MyRinggit Eksekutif-1 (RM150,000) = 6 Penyertaan / Personal Financing BSN MyRinggit (RM150K) = 6 Entries	Dana Sedia Ada - Akaun BSN MyGold-i (RM25,000) = 2 Penyertaan / Existing Funds - BSN MyGold Account-i (RM25K) = 2 Entries	5 mata / 5 Entries	13 mata / 13 Entries

Maya	Pembiayaan Peribadi (Segmen SKAP) (RM80,000) = 4 Penyertaan / <i>Personal Financing (SKAP segment) (RM80K) = 4 Entries</i>	Dana Baharu Akaun BSN MyGold (RM11,000) = 2 Penyertaan / Fresh Funds BSN MyGold Account (RM11K) = 2 Entries	5 mata / 5 Entries	11 mata / 11 Entries
Kumar	Pembiayaan Kenderaan (RM70,000) = 4 Penyertaan / <i>Auto Financing (RM70K) = 4 Entries</i>	Pembiayaan Perumahan (RM400,000) = 3 Penyertaan / <i>Home Financing (RM400K) = 3 Entries</i>	5 mata / 5 Entries	12 mata / 12 Entries
Ali	Tiada / <i>Not Applicable</i>	Akaun BSN MyGold-i (RM60,000) = 4 Penyertaan / Qaseh Impian (RM9,000) = 2 Penyertaan / <i>BSN MyGold Account-i (RM60K) = 4 Entries, Qaseh Impian (RM9K) = 2 Entries</i>	0 mata / 0 Entries	6 mata / 6 Entries
Sarah	Pembiayaan Perumahan (RM550,000) = 6 Penyertaan / <i>Home Financing (RM550K) = 6 Entries</i>	NA	0 mata / 0 Entries	6 mata / 6 Entries
Ah Meng	Pembiayaan ASB (RM55,000) = 3 Penyertaan / <i>ASB Financing (RM55K) = 3 Entries</i>	Wasiat = 1 Penyertaan / Will Writing = 1 Entry	5 mata / 5 Entries	9 mata / 9 Entries

5. Individu-individu yang berikut **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Kempen ini:

*The following entities / individuals shall **NOT BE ELIGIBLE** to participate in the Campaign:*

- Kakitangan tetap atau kontrak BSN dan/atau anak syarikat BSN dan/atau syarikat-syarikat berkaitannya termasuk ahli keluarga terdekat mereka (iaitu suami, isteri, anak-anak dan ibu bapa);
Permanent or contract employees of BSN and/or BSN's subsidiaries and/or related companies including their staff and/or immediate family members (i.e. spouses, children and parents);
- Wakil-wakil dan/atau ejen-ejen BSN (termasuk tetapi tidak terhad kepada ejen pengiklanan, ejen promosi dan pembekal perkhidmatan, vendor komputer / sistem / teknologi);
BSN's representatives and/or agents (including but not limited to advertising agents, promotion agents and service providers, and computer / systems / technology vendors);
- Individu di bawah umur 18 tahun;
Individuals below the age of 18 years old;
- Bukan warganegara Malaysia;
Non-Citizen of Malaysia;

HADIAH / PRIZES

6. Berikut adalah hadiah-hadiah yang ditawarkan bagi Kempen ini ("Hadiah"):
The following are the prizes offered for this Campaign ('Prize');

Bil No	Kategori Hadiah Prize Category	Hadiah Prizes	Jumlah Pemenang No. of winners
1.	Hadiah Tempat Pertama / 1st Place Prize	Proton X70	Satu (1) pemenang / One (1) winner
2.	Hadiah Tempat Kedua / 2nd Place Prize	Motorsikal / Motorcycle	Satu (1) pemenang / One (1) winner
3.	Hadiah Tempat Ketiga / 3rd Place Prize	Pakej Percutian bernilai RM20,000 / Travelling Packages worth RM20,000	Satu (1) pemenang / One (1) winner
4.	Hadiah Saguhati / Consolation Prizes	Baucar Harvey Norman / Petrol bernilai RM3,000 seorang Harvey Norman / Petrol vouchers worth RM3,000 each	Lima Belas (15) pemenang / Fifteen (15) winners
5.		Baucar Harvey Norman / Petrol bernilai RM1,000 seorang Harvey Norman / Petrol vouchers worth RM1,000 each	Dua puluh lima (25) pemenang / Twenty-five (25) winners

7. Hadiah tersebut tidak boleh ditukar kepada lain-lain bentuk dan/atau jenis hadiah, dipindahmilik dan tidak boleh ditebus dengan wang tunai.

The Prizes are non-exchangeable in any other form and/or type of prize, non-transferable and cannot be redeemed for cash.

8. Selepas pemilihan Pemenang dilakukan, Pemenang akan dimaklumkan melalui panggilan telefon ataupun apa-apa kaedah yang ditentukan oleh BSN berdasarkan butiran peribadi lengkap yang diserahkan semasa permohonan Produk.

After the selection of the Winner has been performed, the Winner will be notified through telephone call or any other method as determined by BSN based on the complete contact information provided during their Products application.

9. BSN berhak untuk memilih Pemenang tambahan untuk menggantikan mana-mana Pemenang yang a) mungkin menjadi tidak layak; atau b) tidak dapat dihubungi selepas tiga (3) kali percubaan semasa waktu berkerja (Isnin hingga Jumaat dari 8.30 pagi hingga 5.30 petang) atau melebihi tempoh sebulan selepas tamat Tempoh Kempen; atau c) hilang kelayakan atas apa-apa jua sebab lain sepanjang Tempoh Kempen.

BSN reserves the right to select additional Winner to substitute any Winner who a) may become ineligible; or b) cannot be contacted after three (3) attempts during working hours (Monday to Friday from 8.30am until 5.30pm) or after more than one (1) month after the end of the Campaign Period; or c) disqualified for any reason whatsoever throughout the Campaign Period.

10. BSN berhak dengan budi bicaranya untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan barangan yang sama nilainya, pada bila-bila masa tanpa notis jika Hadiah tersebut tidak tersedia atas apa jua alasan. Semua Hadiah diberikan dalam 'keadaan sedia ada' dan tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai, kredit, barangan lain atau baucar, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.

BSN reserves the right in its discretion to substitute any of the Prizes with items of equivalent value, at any time without prior notice if the awarded Prizes are unavailable for any reason whatsoever. All Prizes are given on an "as is" basis and are not exchangeable for cash, credit, other items or voucher, in part or in full.

11. BSN tidak memberi sebarang representasi atau jaminan berkenaan dengan kualiti dan/atau kesesuaian apa sahaja Hadiah dan tidak bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang Hadiah yang hilang, dicuri, cacat dari segi bahan atau pertukangan oleh pengilang di bawah jaminan atau sebaliknya. Pemenang perlu berurusan secara langsung dengan pengilang untuk maklumat jaminan atau tuntutan tanpa perlu melalui BSN.

BSN makes no representation or warranty with respect to quality and/or suitability of the Prizes and shall not be responsible to replace any lost, stolen or defective Prizes due to defects in materials or workmanship by manufacturer under warranty or otherwise. The Winner is to deal directly with the manufacturer for such warranty information or claim without recourse to BSN.

12. Semua Pemenang mesti mematuhi Terma dan Syarat yang disertakan dengan Hadiah, sekiranya ada.

All Winners shall abide to the Terms and Condition attached to the Prizes, if any.

13. Setiap Pemenang hanya layak memenangi **satu (1) Hadiah** sahaja sepanjang Tempoh Kempen.

*Each Winner is eligible to win only **one (1) Prize** during the Campaign Period.*

14. Sekiranya Pemenang diperlukan untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah atau acara publisiti lain, BSN akan memaklumkan Pemenang melalui apa-apa kaedah yang difikirkan sesuai dan Pemenang dikehendaki menghadiri majlis penyampaian hadiah atau acara publisiti lain tersebut di mana sebarang kos sampingan termasuk tetapi tidak terhad kepada kos perjalanan adalah ditanggung oleh Pemenang.

In the event the Winner is required to attend prize giving ceremony or any other publicity event, BSN will inform the Winner via any communication BSN deemed suitable where all the incidental costs including but not limited to traveling cost shall be borne by the Winner.

15. Sekiranya Pemenang memerlukan seorang wakil untuk menuntut Hadiah atau hadir ke majlis penyampaian Hadiah atau acara publisiti lain bagi pihak Pemenang, wakil Pemenang tersebut hendaklah membawa surat kebenaran asal yang ditandatangani oleh Pemenang berserta salinan MyKad Pemenang dan/atau dokumen sokongan lain yang dikehendaki oleh BSN.

If the Winner requires a representative to claim the Prize or attend the Prize giving ceremony or any other publicity event on the Winner's behalf, the Winner's representative shall provide an original authorization letter signed by the Winner together with a copy of the Winner's MyKad and/or other supporting documents as requested by BSN.

16. BSN berhak menentukan atau dari semasa ke semasa mengubah tarikh dan/atau tempat bagi menuntut / menyerahkan Hadiah.

BSN reserves the right to determine or from time to time, change the date and/or venue for the Prize giving / redemption ceremony.

17. Penentuan Pemenang adalah muktamad. Tiada sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau protes akan dilayan.

The determination of the Winners is final. No correspondence, queries, appeals or protest will be entertained.

HAK BANK / BANK'S RIGHT

18. BSN mempunyai hak untuk mengubah suai, menggantung atau membatalkan Kempen ini sekiranya ia tidak dapat berjalan seperti yang dirancang atas sebarang sebab termasuk gangguan atau kerosakan teknikal, termasuk tetapi tidak terhad kepada jangkitan oleh virus komputer, pepijat, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, atau apa-apa sebab di luar kawalan BSN. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Pelanggan yang Layak dan/atau Pemenang secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini.

BSN reserves the right to modify, suspend or cancel this Campaign in the event that it becomes incapable of running as planned, technically interfered or corrupted, including but not limited to infection by computer virus, bugs, tampering, unauthorised intervention, fraud, technical failures, or any other causes beyond the control of BSN. BSN will not be responsible for or accept any liability incurred by Eligible Customers and/or Winners directly or indirectly, caused by the changes.

19. BSN berhak, mengikut budi bicaranya, untuk membatalkan penyertaan mana-mana Pelanggan Yang Layak dan/atau Pemenang yang didapati atau disyaki menyalahgunakan proses penghantaran penyertaan Kempen, operasi Kempen ini atau melanggar Terma dan Syarat Kempen. BSN mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang atau lain-lain tindakan yang bersesuaian terhadap mana-mana individu yang BSN percayai telah melaksanakan aktiviti penipuan atau lain-lain aktiviti yang memberi kesan buruk kepada Kempen ini.

BSN reserves the right, in its discretion, to disqualify any Eligible Customers and/or Winners that is found or suspected of tampering with the Campaign's process, the operation of this Campaign or to be in violation of the Terms and Conditions of this Campaign. BSN reserves the right to pursue legal action or any other suitable actions against any individual it believes has undertaken fraudulent activities or other activities harmful to this Campaign.

20. BSN berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak daripada menyertai atau menerima sebarang hadiah di bawah Kempen ini sekiranya Pelanggan Layak:

BSN reserves the right to disqualify any Eligible Customer(s) from participating or receiving any prize under this Campaign if the Eligible Customer(s):

- a) didapati mempunyai status akaun tertunggak (di BSN atau mengikut rekod agensi kredit);
is found to have a delinquent account status (at BSN or according to the credit agency's record);
- b) diisytiharkan muflis atau sedang menjalani prosiding kebangkrutan; atau
is declared bankrupt or is undergoing bankruptcy proceedings; or
- c) gagal mematuhi Terma dan Syarat ini atau berkaitan dengan Produk.
fails to comply with these Terms and Conditions or related to Products.

Kelucutan hak kelayakan ini boleh dilakukan pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.
Such disqualification may be exercised at any time without prior notice.

LIABILITI DAN TANGGUNGJAWAB / LIABILITY AND RESPONSIBILITY

21. Pelanggan Yang Layak dan/atau Pemenang adalah bertanggungjawab dan menanggung sepenuhnya sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang timbul akibat daripada penyertaan Kempen ini.

Eligible Customers and/or Winners shall assume full liability and responsibility in case of any liability, mishap, injury, damage, claim or accidents (including death) resulting from their participation in this Campaign.

22. Sebarang kos, yuran dan/atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung untuk menyertai Kempen ini dan/atau menuntut Hadiah termasuk tetapi tidak terhad kepada kos untuk pengangkutan, penginapan, makan, kos peribadi dan/atau sebarang kos lain (mana-mana yang berkaitan) adalah di bawah tanggungjawab penuh Pelanggan Yang Layak / Pemenang.

Any cost, fee and/or expenses incurred or to be incurred to participate in this Campaign and/or to redeem the Prize including but not limited to the cost for transportations, accommodation, meals, personal costs and/or any other costs (whichever is relevant) is the sole responsibility of the Eligible Customers / Winners.

23. BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap gangguan teknikal seperti penambahbaikan sistem dan sebagainya yang menghalang mana-mana individu daripada menyertai Kempen ini. Ini merujuk kepada gangguan teknikal yang berlaku sama ada di pihak BSN atau di pihak Pelanggan Yang Layak, termasuk tetapi tidak terhad kepada masalah sambungan internet, keserasian peranti, atau pembekal rangkaian. Pelanggan Yang Layak

BSN is not responsible for technical problems such as system upgrading or similar circumstances that prevent any individual from participating in this Campaign. This refers to technical disruptions occurring on BSN's side or on the Eligible Customer's side, including but not limited to issues with the Eligible Customer's own internet connection, device compatibility, or network provider.



24. BSN tidak menjamin dan tidak menjanjikan kepada mana-mana Pelanggan Yang Layak sebarang keputusan tertentu berhubung penyertaan Kempen ini.

BSN does guarantee and does not promise to the Eligible Customers any specific result in relation to the participation in this Campaign.

DATA PERIBADI / PERSONAL DATA

25. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak dengan ini bersetuju memberikan keizinan kepada BSN dan/atau sekutu berkenaan dengannya dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada, dan membenarkan butir-butir peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi dan butiran penyertaan seperti yang diberikan kepada BSN untuk tujuan Kempen ini dikumpulkan, direkodkan, diproses dan digunakan oleh BSN dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada:

- a) Untuk tujuan Kempen ini selaras dengan Polisi Privasi BSN, yang boleh diperolehi di www.bsn.com.my ("Laman Sesawang BSN"); atau
- b) Untuk mematuhi undang-undang, peraturan, polisi dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dan badan penyelia; atau
- c) Untuk mematuhi perintah atau arahan Mahkamah; atau
- d) Untuk mengesahkan status akaun Pelanggan Yang Layak dengan mana-mana pihak ketiga (jika berkenaan); atau
- e) Apabila diminta secara bertulis oleh Pelanggan Yang Layak; atau
- f) Untuk melindungi dan mempertahankan BSN dan aset BSN.

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat di sini dengan terma dan syarat di bawah Polisi Privasi BSN, terma dan syarat di bawah Polisi Privasi BSN akan diguna pakai.

By participating in this Campaign, the Eligible Customer hereby voluntarily gives express consent to BSN and/or its affiliates and/or third party service providers engaged by BSN, if any, and consent to their personal details including without limitation to, the personal data and participation details as provided to BSN for the purposes of this Campaign being collected, recorded, processed and used by BSN and/or third party service providers engaged by BSN, if any.:

- a) *To use and disclose the Personal Data and participation details as provided to BSN for the purposes of this Campaign in accordance with BSN's Privacy Notice, which may be viewed on www.bsn.com.my ("BSN's Website"); or*
- b) *To comply with laws, rules, regulations, policies and guidelines imposed by the Government of Malaysia or regulatory authority; or*
- c) *To comply with a Court order or direction; or*
- d) *To verify the Eligible Customer's account status with any third party (if relevant); or*
- e) *Where the Eligible Customer requests in writing; or*
- f) *to protect and defence BSN or BSN's asset.*

In the event of any inconsistency between this Terms and Conditions with the terms and conditions under the BSN's Privacy Policy, the terms and conditions under the BSN's Privacy Policy shall prevail.

26. Pelanggan Yang Layak memberi kuasa kepada BSN untuk mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak, organisasi, pihak berkuasa, syarikat, korporat atau mana-mana entiti lain yang BSN anggap bersesuaian berkaitan dengan akaun Pelanggan Yang Layak atau perkhidmatan perbankan dan membenarkan pendedahan tersebut oleh pihak tersebut, jika berkaitan.

The Eligible Customer hereby authorises BSN to procure any information from any party, organisation, authority, company, corporate or any other entity as BSN deem fit in connection with the Eligible Customer's account or banking services and authorises such disclosure by such person, if relevant.



27. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak dengan ini bersetuju memberikan keizinan kepada BSN dan/atau sekutu berkenaan dengannya, untuk menggunakan Data Peribadi dan Butiran Penyertaan seperti yang diberikan kepada BSN untuk tujuan Kempen ini, tertakluk kepada Terma dan Syarat ini dan Polisi Privasi yang terdapat di Laman Sesawang BSN.

By participating in this Campaign, the Eligible Customers hereby voluntarily gives express consent to BSN and/or its affiliates, to use the Personal Data and Participation Details as provided to BSN for the purposes of this Campaign, subject to these Terms and Conditions and the Privacy Policy that is available on BSN's Website.

28. Pelanggan Yang Layak mempunyai hak pada bila-bila masa untuk:

Eligible Customers have the right at any time to:

- a) Menarik balik kebenaran yang diberikan untuk menggunakan Data Peribadi;
Withdraw their consent for the use of Personal Data;
- b) Meminta apa-apa pembedulan dilakukan/mengemaskini Data Peribadi; dan
Request for any correction/update of Personal Data; and
- c) Bertanyakan sebarang pertanyaan mengenai penggunaan Data Peribadi;
Raise any questions regarding the use of Personal data;

Dengan menghubungi BSN sepertimana dinyatakan dalam Polisi Privasi BSN.

By contacting BSN as stated in BSN's Privacy Policy.

29. Pelanggan Yang Layak bersetuju penarikan balik kebenaran untuk menggunakan Data Peribadi mungkin menjejaskan perkhidmatan yang disediakan oleh BSN atau penyertaan Kempen ini dan oleh itu BSN mempunyai hak untuk menghentikan perkhidmatan BSN atau penyertaan Kempen ini oleh Pelanggan Yang Layak yang dikaitkan dengan Data Peribadi tersebut dengan memberikan notis kepada Pelanggan Yang Layak.

The Eligible Customer agree that the withdrawal of permission to use Personal Data may affect the services provided by BSN or participation in this Campaign and therefore BSN has the right to discontinue BSN services or the Eligible Customer's participation in this Campaign associated with such Personal Data by giving notice to the Eligible Customer.

TERMA & SYARAT AM / GENERAL TERMS & CONDITIONS

30. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak dan/atau Pemenang dianggap telah bersetuju:

- a) Untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini, Terma dan Syarat Produk dan lain-lain terma dan syarat yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa termasuk apa-apa pindaan; dan
- b) Untuk mengakses Laman Sesawang BSN dan / atau mana- mana halaman media sosial rasmi BSN dari semasa ke semasa untuk memastikan Pelanggan Yang Layak dan/atau Pemenang sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma dan Syarat.

By participating in this Campaign, all Eligible Customers and/or Winners are deemed to have agreed:

- a) *To be bound by the Terms and Conditions herein, the Terms and Conditions of the Products and any other terms and conditions stipulated by BSN from time to time including any amendment thereto; and*
- b) *To access BSN's Website and / or any BSN's official social media page on regular basis to ensure that the Eligible Customers and/or Winners are updated with any change or variation made to the Terms and Conditions.*

31. Semua keputusan yang dikeluarkan BSN berkaitan Kempen ini adalah muktamad, terikat ke atas semua Pelanggan Yang Layak dan/atau Pemenang, konklusif dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang surat menyurat, rayuan dan/atau percubaan untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan.

All BSN's decisions relating to the Campaign is final, binding on all Eligible Customers and/or Winner, conclusive and undisputable. No further correspondence and/or appeal to dispute the same will be entertained.

32. Dalam apa keadaan sekalipun, BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, kecuaiian atau sebaliknya, berkaitan dengan Kempen dan/atau Hadiah.

In all circumstances BSN shall not be held responsible and/or liable for any loss or damages (including without limitation to loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages of any party including third parties) howsoever arising whether in contract, negligence or otherwise, in connection with the Campaign and/or Prizes.

33. BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung dan juga tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Pelanggan Yang Layak dan/atau Pemenang yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung dalam menyertai Kempen ini atau sebaliknya. BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kemungkiran obligasi di bawah Kempen ini disebabkan oleh kejadian *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, pandemik dan atau epidemik peperangan, rusuhan, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah BSN.

BSN shall not be held responsible and/or liable nor shall it accept any form of liability in whatsoever nature and howsoever arising or suffered by Eligible Customers and/or Winners resulting, directly or indirectly, from participation in the Campaign or otherwise. Furthermore, BSN shall not be held liable for any default of its obligation under the Campaign due to any force majeure event which includes but not limited to act of God, pandemic and/or epidemic, war, riot, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm or any event beyond the reasonable control of BSN.

34. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak dan/atau Pemenang memberi kebenaran kepada BSN untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar atau lain-lain maklumat Pelanggan Yang Layak untuk tujuan pengiklanan dan promosi semasa dan akan datang dan/atau pengumuman pemenang dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh BSN dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh BSN dan/atau penyedia perkhidmatan yang diberikuasa oleh BSN. Pelanggan Yang Layak dan Pemenang tidak berhak untuk menuntut pemilikan atau lain-lain bentuk ganti rugi ke atas butiran yang diterbitkan atau dipamerkan tersebut.

By participating in this Campaign, the Eligible Customers and/or the Winners consent to BSN the right to publish or display the name, picture or any other information of the Eligible Customers for current and future advertising and promotional purposes and/or winner announcement in any manner that BSN and/or its authorized service providers deems appropriate. The Eligible Customers and/or the Winners are not entitled to claim for the ownership or any other type of compensation on such details that are published or advertised.

35. BSN berhak mengikut budi bicaranya untuk meminda, mengubah, membatalkan atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini, keseluruhan atau sebahagian, termasuk tidak terhad kepada Tempoh Kempen, tarikh permulaan dan tarikh tamat Tempoh Kempen, pada bila-bila masa dengan memberikan notis dalam tempoh yang difikirkan munasabah oleh BSN sebelum pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan tersebut melalui makluman di Laman Sesawang BSN dan/atau halaman media sosial rasmi BSN, melalui pos, media massa, paparan notis di cawangan BSN, melalui alat elektronik atau apa-apa kaedah komunikasi yang BSN fikirkan sesuai.

BSN reserves the right at its discretion to amend, vary, delete or add to any of this Terms and Conditions, in whole or in part, including but not limited to the Campaign Period, commencement and end date of the Campaign, at any time by giving notification within the period BSN deems reasonable prior to such amendment, variation, deletion or addition by posting at BSN's Website and/or BSN official social media page, by post, by notification in the mass media, by posting the notice in BSN's branches or by electronic transmission or any other method of communication that BSN think appropriate.

36. Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Pelanggan yang Layak dan/atau Pemenang dan dianggap sebagai telah dibawa ke perhatian dan pengetahuan semua Pelanggan yang Layak melalui paparan di cawangan BSN atau melalui notis yang dihantar oleh BSN atau pengiklanan di halaman media sosial rasmi BSN atau mana-mana medium lain yang difikirkan sesuai oleh BSN.

Any amendment, variation, deletion or addition to the Terms and Conditions herein shall be binding on the Eligible Customers and/or Winner(s) and be deemed to be brought to the Eligible Customer(s)' attention and knowledge by its display at BSN's branches or by notice being sent by BSN or by advertisement at BSN's official social media page or BSN Website or by any other mode which BSN deems fit.

37. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat Kempen ini dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka Terma dan Syarat ini akan terpakai. Sebarang perkara mengenai Kempen yang tidak dinyatakan di dalam Terma dan Syarat adalah bergantung kepada budi bicara pihak BSN.

In the event of any inconsistency between this Terms and Conditions and any advertising, promotional, publicity and other materials relating to or in connection with the Campaign, then this Terms and Conditions shall prevail. Any matter with regards to the Campaign which is not covered in this Terms and Conditions will be determined solely by BSN at its discretion.

38. Semua bahan berkaitan Kempen termasuk tetapi tidak terhad kepada reka bentuk, logo, kandungan promosi dan bahan cetakan adalah hak milik BSN dan tidak boleh digunakan tanpa kebenaran bertulis daripada BSN.

All materials related to the Campaign including but not limited to designs, logos, promotional content and printed materials are the intellectual property of BSN and shall not be used without prior written consent from BSN.

39. Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

This Terms and Conditions shall be subject to and construed in accordance by the Laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.

40. Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut berhubung Kempen ini, sila hubungi BSN di 03 – 2613 1900.

For more information and query relating to the Campaign, please contact BSN at 03 – 2613 1900.

- TERMA DAN SYARAT KEMPEN TAMAT -
- END OF CAMPAIGN TERMS AND CONDITIONS-